

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**  
**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393**

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia **[keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan]** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- 1. (a) Jawatan : Pegawai Syariah (Gred LS41)**  
**(1 Kekosongan)  
(Pegawai Pusaka)**
- (b) Klasifikasi : Perundangan dan Kehakiman (L)  
(c) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional  
Perkhidmatan  
(d) Taraf Jawatan : Kontrak  
(e) Jadual Gaji : Gred LS41
- |                       | Gaji Minimum<br>RM2,418.00   | Gaji Maksimum<br>RM9,607.00 | Kadar KGT<br>RM225.00 |
|-----------------------|--|-----------------------------|-----------------------|
| (f) Skop bidang tugas | <ul style="list-style-type: none"><li>i. Menguruskan permohonan hal ehwal pengurusan harta pusaka dengan cekap dan adil mengikut kehendak Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagiaan) (Pindaan) 2022.</li><li>ii. Penggerak utama pengurusan hal ehwal pentadbiran harta pusaka kecil yang meliputi perkara berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>a. Struktur tadbir urus pengurusan permohonan harta pusaka melalui kaedah perundangan.</li><li>b. Mengenalpasti &amp; merekod harta pusaka terhak kepada Baitulmal.</li><li>c. Penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tujuan perbicaraan pusaka.</li><li>d. Menguruskan urusan pendaftaran perintah pusaka.</li><li>e. Menguruskan tuntutan pusaka oleh pihak waris (kes yang melibatkan orang bukan Islam)</li><li>f. Mengawal, menambah dan memajukan harta-harta pusaka terletak hak Baitulmal.</li></ul></li><li>iii. Berusaha untuk mengesan harta-harta Baitulmal daripada waris/ pihak yang berkenaan bagi memainkan peranan Majlis Agama Islam dan masyarakat umum.</li></ul> |                             |                       |

**Syarat Lantikan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00); atau
    - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) serta Diploma Lanjutan Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Keutamaan diberikan kepada calon-calon berikut:
  - i) Kelayakan profesional atau pensijilan yang berkaitan dengan fungsi pekerjaan akan menjadi kelebihan tambahan
  - ii) Prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan bebas daripada rekod tindakan tatatertib;
  - iii) Melepas proses tapisan keputusan SPRM; dan
  - iv) Pengalaman bekerja tidak kurang daripada lima tahun;